



## **GARIS PANDUAN 6**

### **MEMOHON KEBENARAN SOLAT JUMAAT SEMENTARA (SELAIN DARIPADA KARIAH BARU DAN MASJID BARU)**

**MASJID DAN SURAU  
NEGERI PULAU PINANG**

**TAHUN 2016**

## GARIS PANDUAN 6

### MEMOHON KEBENARAN SOLAT JUMAAT SEMENTARA (Selain daripada Kariah Baru dan Masjid Baru)

---

#### 1. TUJUAN

Garis Panduan ini disediakan sebagai panduan kepada semua pihak yang terlibat dalam memohon kebenaran solat jumaat sementara (selain daripada kariah baru dan masjid baru) di Negeri Pulau Pinang.

#### 2. RUJUKAN

- 2.1 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) Tahun 2004
- 2.2 Kaedah-Kaedah Jawatankuasa Kariah dan Pegawai Masjid (Negeri Pulau Pinang) Tahun 1997 dan pindaan Tahun 2003.

#### 3. SINGKATAN

- AJK : Ahli Jawatankuasa  
JHEAIPP : Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang  
JKR : Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang  
JMNPP : Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang  
MAINPP : Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang  
PMS : Pengurusan Masjid dan Surau,  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang  
YDP : Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang

#### 4. KEBENARAN SOLAT JUMAAT SEMENTARA

- 4.1 Jawatankuasa Kariah/Surau/Institusi berkaitan hendaklah mengemukakan permohonan melalui **Borang 6**.
- 4.2 Pegawai Tadbir Agama Daerah hendaklah mengambil tindakan seperti berikut;-
  - i. Menjalankan siasatan di lokasi, status tapak dan bangunan mendirikan Jumaat sementara.
  - ii. Mengkaji kemungkinan ada halangan yang akan timbul.
  - iii. Mengadakan mesyuarat dengan pihak pemohon, Pengerusi Kariah, Bahagian PMS, JMNPP, JKR dan lain-lain agensi jika perlu.
- 4.3 Pegawai Tadbir Agama mengemukakan permohonan kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang untuk memperolehi kelulusan dari sudut hukum bagi mendirikan Solat Jumaat dan menentukan tempat mendirikan Solat Jumaat sementara. Satu salinan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian PMS.

- 4.4 Pegawai Tadbir Agama Daerah mengemukakan kertas cadangan kepada MAINPP untuk kelulusan. Satu salinan kertas cadangan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian PMS
- 4.5 Setelah mendapat kelulusan MAINPP, Pegawai Tadbir Agama memaklumkan keputusan kepada pihak pemohon dan mencadangkan tarikh memulakan Solat Jumaat.
- 4.6 Pegawai Tadbir Agama membuat hebahan di masjid kariah yang berkenaan.
- 4.7 YDP MAINPP/MUFTI atau wakilnya membuat pengisytiharan Solat Jumaat Sementara di surau tersebut.